

05/04/1998

Nilai semula hubungan (HL)

Azizi Othman in London

LONDON: Asia dan Eropah perlu menilai semula asas hubungan kedua-dua benua itu kerana perkongsian di kalangan negara atau rantau harus dibina dengan dasar yang pragmatik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bersandarkan hakikat itu, Perdana Menteri berkata, sekarang adalah masa yang sesuai untuk Asia dan Eropah meneliti semula teras hubungan sedia ada.

"Dalam konteks hubungan perkongsian di antara Asia dan Eropah, kita harus bersikap pragmatik dan bukannya fanatik sehingga melupakan apakah kesan yang mungkin berlaku akibatnya."

"Keadaan dunia yang mengalami perubahan pesat dari segi teknologi dan idea, memaksa hubungan antara negara atau rantau untuk berubah. Ia tidak boleh dihalang."

"Hari ini, masyarakat Asia kehilangan keupayaan bertahan mereka apabila kerajaan di Eropah memilih untuk mengabaikan tanggungjawabnya atas nama pasaran bebas," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan utamanya bertajuk "Membina Perkongsian baru Asia-Eropah" di Persidangan Perkongsian Asia-Eropah di sini, semalam.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama Institut kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli), Wilton Park International Conferences, Pusat Penyelidikan dan Komunikasi serta Asia House.

Ia dianjurkan sempena Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem-2) di sini, yang mempertemukan pemimpin 10 negara Asia dan 15 dari negara Eropah, yang berakhir tengah hari semalam.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga mempersoalkan sama ada bolehkah perkongsian diwujudkan di antara Asia dan Eropah jika sudah tiada lagi kerajaan (di Asia).

"Adakah pasaran (bebas) boleh menyediakan rakan kongsi atau perkongsian yang melampaui matlamat memaksimumkan untung? Adakah perkongsian patut dikongsi secara adil atau ia seharusnya dibuat di antara pelanggan dengan penaung?" katanya.

Dalam nada kecewa dan separuh mengriktik, Perdana Menteri menegaskan, Eropah tidak akan rugi jika mengadakan perkongsian pintar dengan Asia dan tidak perlu bimbang untuk berkongsi kekayaan yang dihasilkan daripadanya.

"Ini kerana kita sebenarnya membantu membina dunia yang lebih baik. Warga Eropah sendiri sebelum ini sering memperkatakan hasrat mahu melihat masyarakat sejagat diberi hak menikmati hidup lebih baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, Eropah perlu sedar bahawa dengan berusaha meningkatkan kekayaan rakannya, ia sendiri akan mendapat manfaat daripada kekayaan itu.

Katanya, ketika ini memang banyak pihak yang bercakap mengenai kuasa pasaran dan bagaimana ia dapat membantu mendisiplinkan kerajaan sesebuah negara tetapi mempersoalkan adakah hakikat itu benar.

"Tidak dinafikan matlamat itu adalah murni tetapi sebenarnya bolehkah kuasa pasaran melakukannya? Bolehkah ia mempunyai matlamat sosial dan ekonomi yang hebat ini?"

"Bolehkah kuasa pasaran bebas yang tidak dikawal langsung dan bermatlamatkan keuntungan, meyumbang ke arah mendisiplinkan sesebuah kerajaan dan membentuk masyarakat yang lebih baik?" tanyanya.

Dr Mahathir berkata, memang pasaran terbuka menyumbang kepada kekayaan masyarakat tetapi kejayaannya juga bergantung kepada pengawasan dan

kawalan orang ramai menerusi kerajaan mereka.

Sehubungan itu Perdana Menteri cuba menyampaikan mesejnya iaitu kerajaan dan masyarakat perniagaan Asia tidak seharusnya dipersalahkan apabila berlakunya kegawatan ekonomi.

"Kejatuhan nilai mata wang bukan dibuat oleh mereka. Peserta pasaran entah dari mana, yang tiba-tiba kononnya sedar dengan salah laku warga Asia, hilang keyakinan dan menjatuhkan nilai mata wang."

"Penurunan nilai mata wang dan kejatuhan pasaran saham inilah sebenarnya yang mencetuskan kegawatan, penurunan ekonomi, kemiskinan dan seterusnya kekecohan politik dan sosial," katanya.

Secara sinis, beliau berkata, mungkin usaha mendisiplinkan kerajaan dan masyarakat Asia itu sesuatu yang murni tetapi kesannya terlalu besar manakala orang yang melakukannya pula, mendapat untung besar.

Menurutnya, perkara itu terbukti kerana dalam kes Malaysia contohnya, penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham menyebabkannya kehilangan AS\$200 bilion.

Dr Mahathir berkata, apa yang jelas kini ialah Asia dan Eropah mahu mewujudkan kerjasama tetapi harus diingat, ia hanya boleh dilakukan jika hasilnya dapat memanfaatkan kedua-dua pihak.

(END)